

DENIAL OF SISTER IN ISLAM (SIS) AGAINST FATWA AND IT'S INSTITUTION IN MALAYSIA

PENOLAKAN SISTERS IN ISLAM (SIS) TERHADAP FATWA DAN INSTITUSINYA DI MALAYSIA

Fatin Nabillah Md Bahrudiniⁱ, Hasanah Abd Khafidzⁱⁱ & Zulkefli Ainiⁱⁱⁱ

ⁱ (Corresponding author). Calon Sarjana, Pusat Kesejahteraan Insan dan Komuniti, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. P89959@siswa.ukm.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Pusat Kesejahteraan Insan dan Komuniti, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. hasanah@ukm.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah Kanan, Pusat Kesejahteraan Insan dan Komuniti, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. zulaini@ukm.edu.my

Abstract	<p><i>The fatwa institution has always been a reference point for Muslims in Malaysia because fatwa is recognized as one of the sources of Islamic law in Malaysia. This article aims to discuss the Sisters in Islam (SIS) that denies the fatwa institution and some of the fatwa issued by the fatwa institution in Malaysia. This was the result of SIS's view that the fatwa and its institution violate human rights in freedom of expression, freedom of association and freedom of faith which, according to the SIS, is contained in the Federal Constitution of Malaysia. In addition, the fatwa institution is said to be infringing on federal jurisdiction which jurisdiction is only parliamentary, that has legislative powers to limit human rights. This study uses content analysis design by applying document analysis approach as the primary data collection method. The results of this study have shown that there is an organization in Malaysia and its leadership is led by Muslims themselves but has rejected an institution which is the main reference of Muslims and the interests of the fatwa itself.</i></p> <p>Keywords: <i>Fatwa, institution, law, Sisters in Islam (SIS), freedom .</i></p>
Abstrak	<p><i>Institusi fatwa sentiasa menjadi tempat rujukan bagi umat Islam di Malaysia kerana fatwa diiktiraf sebagai salah satu sumber perundangan Islam di Malaysia. Artikel ini bertujuan untuk membincangkan berkenaan Pertubuhan Sisters in Islam (SIS) yang menolak institusi fatwa serta sebahagian fatwa yang dikeluarkan oleh institusi fatwa di Malaysia. Perkara ini berlaku disebabkan SIS berpandangan bahawa fatwa dan institusinya telah melanggar hak asasi dalam kebebasan bersuara, kebebasan bersekutu dan kebebasan beragama yang mana menurut SIS ia telah terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Selain itu, institusi fatwa tersebut dikatakan turut mencero bohi bidangkuasa persekutuan yang mana bidangkuasa persekutuan ini hanya parlimen sahaja yang mempunyai legislatif untuk membatasi hak-hak asasi manusia. Kajian ini menggunakan reka bentuk analisis kandungan dengan mengaplikasikan pendekatan analisis dokumen sebagai kaedah pengumpulan data yang utama. Hasil kajian ini telah memperlihatkan berkenaan sebuah pertubuhan yang ada di Malaysia dan kepimpinannya diterajui oleh orang Islam sendiri tetapi telah menolak sebuah institusi yang menjadi rujukan utama umat Islam serta kepentingan fatwa itu sendiri.</i></p>

Kata kunci: <i>Fatwa, institusi, perundangan, Sisters in Islam (SIS), kebebasan.</i>
--

PENDAHULUAN

Sisters in Islam (SIS) merupakan sebuah gerakan feminisme yang memperjuangkan emansipasi wanita. Gerakan ini terbentuk pada tahun 1988 dan didaftarkan secara rasmi sebagai sebuah Badan Bukan Kerajaan (*Non Governmental Organisation: NGO*) pada tahun 1993 di bawah nama SIS Forum (Malaysia) Berhad. Sejak awal kemunculan pertubuhan ini, SIS telah berjaya menjadi sebuah gerakan feminisme yang paling popular dan terkehadapan di Malaysia. Hal ini dapat dilihat apabila SIS merupakan pertubuhan feminisme yang paling aktif dan vokal dalam memperjuang dan mempertahankan ideanya. Justeru itu, keadaan ini menjadikan SIS sebagai sebuah gerakan wanita yang sentiasa dipenuhi dengan kontroversi (*Sisters in Islam, 2012*).

Selain itu, perjuangan SIS turut terarah kepada mendaulatkan hak-hak asasi manusia dan prinsip-prinsip sejagat, serta pendekatan agamanya yang berasaskan tafsiran daripada perspektif hak-hak kemanusiaan yang mana telah menggundang dakwaan yang mengaitkannya dengan aliran fahaman Islam liberal. Walau bagaimanapun, sebelum mengaitkan SIS dengan aliran Islam liberal, pengenalan terhadap organisasi SIS dan peranannya sebagai gerakan feminisme Islam di Malaysia perlu dibincangkan secara teliti.

LATAR BELAKANG PEMIKIRAN SIS

Pimpinan *Sisters in Islam* (SIS), Zainah Anwar menjelaskan bahawa masyarakat Malaysia berada dalam keadaan pergolakan yang berterusan selepas mendapat kemerdekaan daripada Great Britain pada tahun 1946. Pergolakan ini, termasuk rusuhan bangsa 13 Mei 1969 antara kaum asli dan orang bukan Melayu asli. Setelah itu perubahan kerajaan secara beransur-ansur untuk melaksanakan dasar-dasar pro-Islam yang disebarkan oleh pergerakan pelajar Islam dari Timur Tengah telah mula membawa kepada penukaran Malaysia ke negara Islam pada awal 1980-an. Dalam Hal ini, peralihan ideologi di Malaysia bermakna bahawa umat Islam dijangka tinggal di bawah Undang-Undang Syariah. Oleh itu, SIS telah melihat sejak kebangkitan Islam, hak-hak wanita telah diserang dalam pelbagai cara termasuk sistem kehakiman yang melucutkan hak asasi wanita hak, hak asasi manusia dan membolehkan lelaki untuk menghalalkan perkahwinan poligami (Zainah Anwar, t.th).

Pertubuhan *Sisters in Islam* (SIS) merasakan tidak cukup hanya memperjuangkan undang-undang semata, lebih-lebih lagi apabila mereka melihat Islam ini sebagai sumber ketidakadilan dan penindasan. Mereka mendakwa bahawa wanita menderita dalam diam. Pada mereka, Islam mendesak wanita untuk patuh sepenuhnya pada suami walaupun lelaki atau suami tidak layak menerimanya. Selain itu, ceramah-ceramah yang disampaikan di rumah, radio, televisyen, di masjid dan mahkamah semuanya menyatakan lelaki lebih berkuasa berbanding wanita. Bagi mereka dua orang perempuan bersamaan seorang lelaki di mana suami berhak memukul isteri mahupun berkahwin lain serta tempat bagi isteri yang derhaka adalah di neraka (*Sisters in Islam, 2016*).

Berikutan itu, tujuan asal pertubuhan ini telah pun berubah. Beberapa ahli dalam SIS merasakan bahawa mereka perlu membaca dan mengkaji semula al-Quran untuk mencari sekiranya ada ayat-ayat al-Quran yang menyokong penindasan dan ketidakadilan terhadap wanita. Keperluan untuk mempertimbangkan semula ayat al-Quran dirasakan amat penting. Tambahan lagi, pergerakan wanita telah pun menggesa kerajaan untuk menjadikan keganasan rumah tangga sebagai satu jenayah kini berhadapan dengan masalah berurusan secara berasingan dengan bagaimana undang-undang yang dikenakan kepada umat Islam. SIS telah mengambil contoh kumpulan *Joint Action Group for Gender Equality* (JAG) yang ditubuhkan 1985 berhadapan dengan penentangan daripada perwakilan Pusat Islam yang menegaskan bahawa undang-undang keganasan rumah tangga tidak boleh dikenakan ke atas umat Islam. Lelaki Muslim berhak memukul

Isterinya dan tiada undang-undang manusia yang boleh menafikan hukum tersebut (Sisters in Islam, 2016).

Bagi menghalalkan segala yang mereka perjuangkan, SIS dilihat telah mengemukakan ayat al-Quran berkenaan nusyuz yang biasanya ditakrifkan sebagai derhaka seperti dalam surah al-Nisa' ayat 34:

﴿الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ فَالصَّالِحَاتُ قَانِتَاتٌ حَافِظَاتٌ لِّلْغَيْبِ بِمَا حَفِظَ اللَّهُ وَاللَّاتِي تَخَافُونَ نُشُوزَهُنَّ فَعِظُوهُنَّ وَاهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ وَاضْرِبُوهُنَّ فَإِنِ أَطَعْنَكُمْ فَلَا تَبْغُوا عَلَيْهِنَّ سَبِيلًا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا كَبِيرًا﴾

Maksudnya, "Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka. Maka perempuan-perempuan yang soleh itu ialah yang taat (kepada Allah dan suaminya), dan yang memelihara (kehormatan dirinya dan apa jua yang wajib dipelihara) ketika suami tidak hadir bersama, dengan pemuliharaan Allah dan pertolonganNya. Dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan perbuatan derhaka (nusyuz) hendaklah kamu menasihati mereka, dan (jika mereka berdegil) pulaukanlah mereka di tempat tidur, dan (kalau juga mereka masih degil) pukulah mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarnya). Kemudian jika mereka taat kepada kamu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi, lagi Maha Besar" (al-Quran. al-Nisa' 4: 34).

Berdasarkan pemikiran pertubuhan SIS di atas, jelaslah menunjukkan bahawa ideologi mereka yang lebih terbuka kepada kebebasan hak asasi manusia telah menyebabkan SIS memandang undang-undang Islam sebagai sesuatu penindasan terutama terhadap kaum wanita (Sisters in Islam, 2016). Oleh itu, mereka bertindak untuk mengkaji semula al-Quran untuk mengubah kembali undang-undang Islam yang sedia ada mengikut kesesuaian mereka.

DEFINISI FATWA DAN KEPENTINGANNYA

Fatwa menurut Ibn Manzur (1956) ialah perkataan yang bermaksud suatu perbuatan yang dilakukan oleh mufti mengenai sesuatu hukum atau suatu keputusan hukum yang dikeluarkan oleh faqih. Menurut al-Qasimi (1986) pula, fatwa bererti menjawab masalah yang menjadi kemusykilan dalam hukum, di mana apabila seseorang menjawab sesuatu masalah yang diajukan kepadanya, jawapan yang diberikan itu merupakan fatwa. Fatwa juga boleh didefinisikan sebagai penjelasan berhubung dengan persoalan hukum syarak yang dibuat oleh seorang yang faqih bagi menjawab pertanyaan yang dikemukakan kepadanya (Muhammad Rawwas, 1985).

Berdasarkan pengertian yang telah diberikan, menurut undang-undang yang ada di Malaysia sekarang, pengeluaran fatwa perlu mengikuti prosedur tertentu. Suatu fatwa yang hendak dikuatkuasakan hendaklah diwartakan. Jika tidak diwartakan, maka fatwa tersebut dianggap kekal sebagai pendapat mufti sahaja dan untuk pengetahuan atau rujukan hukum semata-mata.

Fatwa telah diterima oleh para ulama sebagai salah satu sumber terpenting dalam perundangan Islam kerana semasa hayat Rasulullah SAW, Baginda sendiri pernah melakukan ijtihad dan juga membenarkan para Sahabat melakukannya untuk mengeluarkan fatwa. Rasulullah akan berijtihad untuk mendapatkan hukum sekiranya wahyu tidak diturunkan lebih-lebih lagi jika keadaan memerlukan hukum dengan segera (Kassim Salleh, 1989).

Pada zaman Rasulullah SAW, mufti yang pertama ialah Rasulullah SAW sendiri kerana Baginda ialah penerang dan penjelas yang pertama kepada hukum Islam. Apabila

dilihat amalan fatwa pada zaman ini bukanlah hanya dilakukan oleh Baginda secara peribadi bahkan para Sahabat juga diberi keizinan untuk berfatwa dan berijtihad dalam menyelesaikan kes-kes yang dihadapi oleh Baginda (Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2008). Berhubung dengan ini Allah telah berfirman:

﴿وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ﴾

Maksudnya, “Dan bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan mereka” (al-Quran. Al-Imran 3: 159).

Berdasarkan ayat di atas, jelas menggambarkan bahawa kegiatan fatwa bukan sahaja didokong oleh Rasulullah malah turut melibatkan para Sahabat yang diyakini kemampuan ilmiahnya. Selepas kawafatan Baginda, tugas berfatwa diamanahkan pula kepada para ilmuan di kalangan para Sahabat (Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2008).

Para sahabat turut telah mengeluarkan fatwa sendiri ketika tidak terdapat hukum dalam al-Quran dan hadis mengenai sesuatu masalah, dan fatwa yang dikeluarkan oleh mereka itu adalah menjadi hukum bagi masalah-masalah yang timbul. Begitu juga apabila berlaku perubahan zaman atau tempat, maka sudah semestinya timbul pelbagai masalah baru di kalangan masyarakat yang berbeza dan memerlukan kepada ijtihad sendiri untuk mengeluarkan fatwa mengenai sesuatu hukum yang tidak terdapat dalam al-Quran atau hadis.

Hal ini boleh dilihat pada zaman Khalifah ʿUthman bin ʿAffan apabila beliau mengeluarkan fatwa supaya kuda dikeluarkan zakat. Beliau berpendapat bahawa ketika pada zaman Rasulullah tidak terdapat banyak kuda bahkan kuda sangat diperlukan untuk peperangan, maka sebab itu Rasulullah tidak mewajibkan zakat ke atas kuda. Namun demikian, ketika zaman beliau memerintah, didapati kuda telah banyak dan dijadikan barang perniagaan, maka sebab itulah beliau mengeluarkan fatwa supaya kuda dikenakan zakat (Othman Ishak, 1981).

Kesemua fatwa yang dikeluarkan oleh sahabat-sahabat tersebut difahami dan dipegang oleh tabiʿin dan kemudiannya dipegang pula oleh tabiʿ tabiʿin. Mereka ini berpegang teguh dengan fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh ulama tempatan sebelum mereka di samping mereka juga berijtihad sendiri sekiranya tidak terdapat hukum di dalam al-Quran, hadis dan fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan. Maka fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan tersebut menjadi pegangan bagi umat Islam yang terkemudian sama ada di Madinah atau di Kufah (Othman Ishak, 1981).

KEPUTUSAN FATWA DAN INSTITUSINYA YANG DITOLAK OLEH SIS

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam kali ke-74 yang bersidang pada 25 hingga 27 Julai 2006, telah memutuskan bahawa aliran pemikiran liberalisme dan pluralisme sebagai ajaran sesat dan menyeleweng daripada Syariat Islam. Ini kerana gerakan pemikiran liberal dan pluralis mengandungi fahaman-fahaman yang menyeleweng dari aspek akidah dan syariat (Mohd Tamyas Abdul Wahib, 2014).

Pada 17 Julai 2014, Fatwa Kerajaan Negeri Selangor di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003 telah mengeluarkan fatwa berkenaan SIS Forum (Malaysia) dan mana-mana individu, pertubuhan atau institusi yang berpegang kepada fahaman liberalisme dan pluralisme agama adalah sesat dan menyeleweng daripada ajaran Islam. Selain itu, mana-mana bahan terbitan yang berunsur pemikiran-pemikiran fahaman liberalisme dan pluralisme agama hendaklah diharamkan dan boleh dirampas. Oleh itu, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) hendaklah menyekat laman-laman sosial yang bertentangan dengan ajaran Islam dan Hukum Syarak (Fatwa Negeri Selangor, 2014).

Disebabkan itu, SIS telah bangun untuk mencabar fatwa yang dikeluarkan mufti Selangor tersebut. SIS telah menulis sebuah artikel dalam laman webnya yang bertajuk ‘Majlis Dialog dengan Jawatankuasa Fatwa Selangor tidak Membincangkan Liberalisme

dan Pluralisme'. Dalam tulisan tersebut, Sisters in Islam (SIS) meluahkan rasa kesal dan hairan dengan kenyataan Mufti Selangor Datuk Seri Mohd. Tamyas Abd. Wahid dengan mengatakan bahawa majlis dialog yang diterima oleh SIS pada 14 Disember 2011 tidak menyentuh langsung berkenaan isu akidah. Tambahan lagi, terma 'liberalisme dan pluralisme agama' sama sekali tidak dibangkitkan oleh pihak Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor semasa majlis dialog tersebut berlangsung (Sisters in Islam, 2014).

Rentetan itu, Forum SIS (Malaysia) memfailkan permohonan semakan kehakiman bagi mencabar keputusan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) yang mana mengisytiharkan pertubuhan itu sebagai sesat dan menyeleweng daripada agama Islam dan telah menamakan Jawatankuasa Fatwa Selangor, MAIS dan kerajaan Selangor sebagai responden. Walaubagaimanapun, permohonan SIS itu gagal. Menurut Datuk Hanipah Farikullah yang merupakan Hakim Mahkamah Tinggi tersebut, penolakan permohonan itu adalah kerana mahkamah sivil tidak mempunyai bidang kuasa untuk membuat keputusan berhubung isu fatwa kerana ia tertakluk di bawah undang-undang Islam dan dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah (ISMAWeb, 2016).

SIS turut mencabar fatwa berkenaan liberalisme dan pluralisme yang mana telah termaktub dalam fatwa kebangsaan sebagai ideologi yang diharamkan. Menurut SIS, fatwa tersebut telah melanggar hak asasi dalam kebebasan bersuara, kebebasan bersekutu dan kebebasan beragama yang mana menurut SIS ia telah terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Selain itu, fatwa tersebut dikatakan turut mencero bohi bidangkuasa persekutuan yang mana bidangkuasa persekutuan ini hanya parlimen sahaja yang mempunyai legislatif untuk membatasi hak-hak asasi manusia. Akhir sekali, SIS menegaskan bahawa fatwa pengharaman ideologi liberalisme dan pluralisme tersebut tidak mempunyai bidangkuasa dan kelayakan untuk memberi arahan kepada institusi persekutuan seperti Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk mengharamkan dan merampas buku-buku dan SKMM untuk menyekat laman-laman media sosial yang mana menjerumus dalam liberalisme dan pluralisme (Sisters in Islam, 2014).

SANGGAHAN SIS DALAM PENOLAKAN FATWA DAN INSTITUSINYA

Isu dalam mencabar kredibiliti fatwa oleh Sisters in Islam (SIS) telah terjadi sejak tahun 1997 lagi. Hal ini dapat dilihat pada satu memorandum yang ditulis buat Perdana Menteri ketika itu iaitu YAB Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Memorandum tersebut ditulis atas dasar ketidakpuasan hati SIS terhadap satu laporan daripada surat khabar Berita Harian bertarikh 7 September 1995 yang melaporkan berkenaan Majlis Fatwa Kebangsaan menyifatkan pengikut antihadis serta orang yang mencerca, mempertikai, memfitnah dan mencabar kewibawaan pihak berkuasa agama akan diistiharkan sebagai murtad:

"Sisters in Islam wrote to YAB expressing our deep concern on the increasingly ultra conservative trend in the development of Islam in the country, in particular with regard to women. We submitted to you several newspaper cuttings and articles which reflected this disturbing trend, including a news item in Utusan Malaysia of 7 September 1995 which reported that the National Fatwa Council had not only declared that the "anti-hadis" followers were murtad, but also those who "...mencerca dan memfitnah para ulama muktabar, ijma ulama, mempertikai dan mencabar kewibawaan pihak berkuasa agama yang berautoriti serta sesiapa juga yang tidak mengikut disiplin ilmu-ilmu Islam." Those who "...menolak ketetapan hukum fiqah Islam mengenai aurat wanita yang bersandarkan nas syarie" will also be declared murtad" (Sisters in Islam, 1997).

SIS dengan semangat liberalisasi agama telah menolak Islam dan perundangan yang dihasilkan oleh tafsiran *Syariah minded* atau Islam Politik. Bagi SIS, Islam yang diwarisi dan diperjuangkan oleh aliran Islam tradisional itu sudah ketinggalan zaman dan tidak relevan lagi diamalkan dalam konteks masakini. Demikian juga, bentuk Islam tradisional juga terikat dengan peraturan dan kefahaman yang dipelopori oleh golongan eksklusif iaitu golongan ulama aliran tradisional (Zainah Anwar, 2013).

Oleh yang demikian, SIS telah berhujah bahawa kebebasan berfikir semakin larut dengan tapisan peraturan atau syarat-syarat yang dikenakan oleh ulama silam tersebut

sehingga menyebabkan pintu ijtihad digambarkan terkunci dan hanya boleh dibuka oleh ulama sealiran mereka sahaja. Natijah daripada fahaman dan peraturan ulama aliran Tradisionalis ini, SIS berpandangan umat Islam telah dipaksakan untuk mewarisi dan menerima Islam dari sepihak sahaja iaitu mereka yang meyakini bahawa tafsiran atau kebenaran adalah sesuatu yang tunggal dan mutlak (Mazlan Ibrahim et.al, 2012).

Selain itu, SIS juga mengatakan tentang kebimbangan mereka berkenaan pindaan Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) yang diluluskan oleh parlimen pada tahun 1994. Hal ini berikutan peristiwa penangkapan 3 orang peserta Miss Malaysia Petite kerana telah melanggar Undang-Undang Syariah yang tidak membenarkan mana-mana orang Islam berkelakuan tidak sopan di khalayak ramai. Oleh hal yang demikian, tiga peserta Miss Malaysia tersebut telah didakwa kerana didapati bersalah berpakaian tidak senonoh di bawah Seksyen 31 Enakmen Jenayah Syariah Selangor.

SIS berpendapat undang-undang ini telah mengganggu dan berbahaya kerana telah melanggar prinsip demokrasi dan menurut SIS fatwa tersebut juga telah melanggar Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan:

"We find these developments not only disturbing, but also dangerous as they violate fundamental principles of democracy. We are also concerned how a Vision 2020 of a united Malaysian nation that is democratic, liberal, tolerant and progressive, can ever be achieved if an important segment of society, the religious establishment, in their words and deeds are fundamentally opposed to that vision and are bent on governing the lives of Muslims in this country in their obscurantist mould" (Sisters in Islam, 1997).

SIS juga mengatakan berkenaan ketidakpuasan hati mereka atas segala fatwa yang dikeluarkan tidak melalui proses perbincangan dalam parlimen sebelum dijadikan undang-undang selain berasa hairan dengan peruntukan dalam Undang-Undang Jenayah Syariah Malaysia seperti boleh diistiharkan murtad apabila seseorang itu bercanggah pendapat dengan fatwa yang dikeluarkan kerana hal ini tidak pernah berlaku dalam sejarah Islam.

Oleh itu, SIS mengatakan Undang-Undang Syariah dan fatwa tidak demokratik untuk diamalkan:

"A fatwa is merely a guidance to the ummah for them to voluntarily follow. It is not an order for the Government to enforce by law. No Muslim country has ever given a fatwa the automatic force of law and made it a crime for a citizen to defy, disobey or dispute a fatwa. Such provisions in the Malaysian syariah criminal laws are unprecedented in the history of Islam. It violates a fundamental principle in Islam: that change must occur gradually through education, and not through force and coercion as can happen with the imposition of a fatwa in the manner legislated in Malaysia" (Sisters in Islam, 1997).

Selain itu juga, dalam memorandum yang sama, SIS berpendapat Mufti bukanlah seorang yang sempurna, maka apabila fatwa mengatakan sekiranya menyoal, mempertikai atau atau bercanggah dengan fatwa adalah suatu jenayah, ini boleh dikatakan pandangan Mufti dan pihak berkuasa agaman sama dengan pandangan dari Allah s.w.t iaitu wahyu:

"In making it a crime to question, dispute or give an opinion contrary to any fatwa in force, the legislative bodies have transformed the Mufti and the state religious authorities into infallible beings, in effect, equating their opinion to the word of God" (Sisters in Islam, 1997).

KRITIKAN TERHADAP SANGGAHAN SIS KEPADA FATWA DAN INSTITUSINYA

Yusuf al-Qaradawiyy (1999) telah mengemukakan pendapat berkenaan kemunculan aliran pemikiran baru ini merupakan punca perpecahan dan kekeliruan dalam kalangan umat Islam. Antara ancaman aliran pemikiran umat masa kini ialah perjuangan liberalisme atas nama keadilan, persamaan dan hak individu. Golongan ini menyebarkan fahaman mereka melalui suara, tulisan dan juga media. Oleh itu, Yusuf al-Qaradawiyy (1999) menyeru kepada umat Islam supaya menguasai ilmu al-Nusus dan menistinbatkan hukum daripada nas-nas tersebut melalui kaedah dalam ilmu Usul Fiqh sebagai teras dalam penyatuan pemahaman terhadap hukum.

Sebarang perselisihan dalam kalangan umat Islam hendaklah dirujuk kembali kepada Allah dan Rasul-Nya. Firman Allah:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِن تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ﴾

Maksudnya, "Wahai orang-orang yang beriman! Taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan juga kepada ulul amri (orang yang berkuasa) daripada kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (kitab) Allah al-Quran dan sunnah Rasul-Nya jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari Akhirat" (al-Quran. al-Nisa' 4: 59).

Dalam konteks akal fikiran sebagai dalil, al-Shatibiyy (2001) dengan tegas menyatakan bahawa akal hanya boleh digunakan dalam peringkat tertentu sahaja. Dalil akal hanyalah sebagai penguat kepada dalil daripada sumber hukum iaitu al-Quran, hadis, ijmak dan qiyas. Akal sama sekali tidak boleh dijadikan hukum. Perkara ini amat berbeza dengan pegangan aliran pemikiran yang menggunakan logik untuk mempertikaikan hukum-hukum. Walau bagaimanapun, mereka sering menggunakan dalil yang tidak relevan dengan isu kononnya sebagai penguat hujah mereka.

Al-Quran ada menegaskan bahawa seorang muslim tidak harus mengeluarkan pendapat mengenai hukum-hukum terutamanya perkara yang tidak diketahuinya. Firman Allah:

﴿قُلْ إِنَّمَا حَرَّمَ رَبِّي الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ وَإِثْمَ وَالْبَغْيِ بِغَيْرِ الْحَقِّ وَأَنْ تُشْرِكُوا بِاللَّهِ مَا لَمْ يُنَزِّلْ بِهِ سُلْطَانًا وَأَنْ تَقُولُوا عَلَى اللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ﴾

Maksudnya, "Katakanlah, sesungguhnya Tuhanku hanya mengharamkan perbuatan-perbuatan keji, sama ada yang nyata atau yang tersembunyi, dan perbuatan dosa, dan perbuatan yang mencerooboh dengan tidak ada alasan yang benar, dan (diharamkanNya) kamu mempersekutukan sesuatu dengan Allah sedang Allah tidak menurunkan sebarang bukti (yang membenarkannya), dan (diharamkan kamu) memperkatakan terhadap Allah sesuatu yang tidak kamu ketahui" (al-Quran. al-A'raf 7: 33).

Ulama telah membahagikan mujtahid kepada beberapa tingkatan, manakala muqallid kepada dua tahap iaitu *tabaqat al-huffaz* dan *tabaqat al-ittiba' al-mujarrad*. Justeru, secara umum mereka yang tidak sampai kepada martabat mujtahid, sama ada orang awam atau yang lebih daripada peringkat orang awam perlu mengambil panduan atau bertanya daripada orang yang arif dan mujtahid (Said Ibrahim, 1997). Selain itu, menurut pandangan daripada kalangan ulama *al-usul al-muhaqqiqin*, mereka wajib mengikut pendapat mujtahid dan beramal dengan fatwa mereka berdasarkan firman Allah:

﴿وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ إِلَّا رَجَالًا نُوحِي إِلَيْهِمْ فَاسْأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنتُمْ لَا تَعْلَمُونَ﴾

Maksudnya, "Dan Kami tidak utuskan sebelum kamu (wahai Muhammad) melainkan daripada kalangan lelaki yang Kami berikan wahyu kepada mereka. Maka bertanyalah kepada orang yang lebih berilmu sekiranya kamu tidak mengetahui" (al-Quran. al-Nahl 16: 43).

Ayat di atas menjelaskan bahawa sesiapa yang tidak berilmu, tidak mengetahui hukum Syarak dan kaedah berijtihad agar bertanya dan memohon fatwa daripada orang yang berilmu. Islam memberi ruang kepada perbezaan pendapat dalam perkara khilafiyah, namun perbahasan tidak boleh dilakukan sewenang-wenangnya tanpa bersandar kepada nas dan dalil yang kukuh mengikut disiplin ilmu Islam yang telah disepakati oleh sekalian ulama muktabar dahulu dan masa kini (Said Ibrahim, 1997).

PENUTUP

Dapat dilihat bahawa SIS amat tidak 'berkenan' dengan sistem undang-undang syariah serta segala fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti di Malaysia. Hal ini kerana, SIS berpendapat banyak fatwa yang dikeluarkan telah melanggar hak asasi manusia selain melanggar prinsip Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan. Tambahan lagi, SIS dengan prinsipnya yang mengatakan fatwa hanyalah pendapat penasihat untuk membimbing seorang Muslim untuk menjalani kehidupan menurut Islam, maka SIS mengatakan tidak sepatutnya seseorang itu dihukum jika bercanggah pendapat dengan sesuatu fatwa yang dikeluarkan. Walau bagaimanapun, apa yang dibawa dan dipegang oleh SIS ini dilihat tidak sesuai kerana umat Islam tiada lagi sumber rujukan setelah kewafatan Rasulullah SAW. Oleh itu, fatwa amat penting untuk menjadi rujukan umat Islam.

Secara kesimpulannya, fatwa merupakan ijihad ulama dan salah satu kaedah yang boleh digunakan untuk menentukan hukum. Apabila terdapat permasalahan-permasalahan baru yang tidak terdapat hukumnya melalui sumber-sumber hukum yang ada, maka di sinilah peranan fatwa bagi mengatasi setiap masalah yang timbul. Seperti yang diketahui, dalam proses mengeluarkan fatwa untuk menentukan sesuatu hukum, ia hanya dilakukan oleh Mufti yang telah dilantik dalam sesebuah negara berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan. Manakala setiap fatwa yang dikeluarkan hendaklah berlandaskan syarak kerana hukum-hukum yang dikeluarkan adalah bersifat menjaga kemaslahatan umum.

Oleh yang demikian, institusi fatwa sebagai salah satu tempat proses fatwa yang ia perlu dipertahankan dan dihormati kerana dengannya umat Islam dapat memelihara masalah syariah dan kepentingan manusia sejagat berserta mampu untuk mengatasi cabaran masa kini.

RUJUKAN

- Al-Qaradawi, Yusuf. 2000. *Min al-Fatawa al-Mu'asirah*. Al-Kuwayt: Dar al-Qalam.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.
- Fatwa Negeri Selangor. 2014. *Fatwa Pemikiran Liberalisme dan Pluralisme Agama*.
- Ibn Manzur. 1956. *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar al-Beirut. Juz. 15.
- Jamaluddin al-Qasimi. 1986. *Kitab al-Fatwa fi al-Islam*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmi.
- Kassim Salleh. 1989. *Ijtihad: Sejarah dan perkembangan*. Petaling Jaya: al-Rahmaniah.
- Mazlan Ibrahim et.al. 2013. *Islam Liberal: Isu dan Reaksi*. Cetakan kedua. Penerbit: Jabatan Agama Islam Selangor.
- Mohd Tamyas Abdul Wahid. 2014. *Kertas kerja: Liberalisme dan Pluralisme Agama*. Dibentangkan di Program Dialog Fatwa Perdana anjuran Jabatan Mufti Negeri Selangor. 18 September 2014.
- Muhammad Rawwas Qal'ahjiyy. 1985. *Mu'jam Lughat al-Fuqaha'*. Beirut: Dar al-Nafa'is.
- Othman Ishak. 1981. *Fatwa dalam perundangan Islam*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti.
- Said Haji Ibrahim. 1997. *Manhaj Ilmu Fiqh*. Kuala Lumpur: Darul Ma'rifah.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. 2008. *Fatwa & Mufti Hukum, Etika Dan Sejarah*. Bandar Baru Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.

Internet

- ISMAweb. 2016. *Mahkamah Tolak Permohonan SIS Cabar Fatwa Sesat, Menyeleweng*. (<http://www.ismaweb.net/2016/06/mahkamah-tolak-permohonan-sis-cabar-fatwa-sesat-menyeleweng/>) Tarikh akses 3 April 2017.
- Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). 2012. *Sisters in Islam: Wajah Gerakan Liberalisme di Malaysia?*. Kertas Kerja Julai JAIS. http://www.jais.gov.my/sites/default/files/artikelasas/rnd/2012/julai/KertasKerja_4.pdf (diakses 1 Mac 2018).
- Sisters in Islam. 10 November 2014. *SIS: Majlis Dialog dengan Jawatankuasa Fatwa Selangor tidak Membincangkan Liberalisme dan Pluralisme*.

- (<http://www.sistersinislam.org.my/news.php?item.1309.50>) (diakses 31 Mac 2017).
- Sisters in Islam. 2012. *The SIS Story*. <http://sistersinislam.org.my/page.php?35>. (diakses 8 Mac 2018).
- Sisters in islam. 2016. *Memahami Pindaan Akta 355 dan Impaknya Kepada Rakyat Malaysia* (17 Oktober 2016). <http://www.sistersinislam.org.my/news.php?item.1443>. 121 (diakses 1 Mac 2018).
- Sisters in Islam. 8 August 1997. *Memorandum on the Provisions in the Syariah Criminal Offences Act and Fundamental Liberties*.<http://www.sistersinislam.org.my/comment.php?comment.news.499> (diakses 8 Mac 2018).
- Zainah Anwar. 4 Ogos 2013. *The Star - Sharing The Nation - Only in Malaysia: where w have gone wrong with fatwa*. <http://www.sistersinislam.org.my/comment.php?comment.news.1224> (diakses 8 Mac 2018).
- Zainah Anwar. T.Th. *Sisters in Islam: Protecting Women's Rights in Malaysia*. <https://tavaana.org/en/content/sisters-islam-protecting-womens-rights-malaysia-0> (diakses 1 Mac 2018).

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.